

06 MAY 1999

Abdullah-Mesyuarat

MENTERI DIMINTA HADIR MESYUARAT PANTAU PROJEK KEMENTERIAN

KUALA LUMPUR, 6 Mei (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata menteri-menteri diminta tidak mengecualikan diri daripada menghadiri mesyuarat-mesyuarat yang dilakukan dua kali seminggu untuk memantau projek-projek pembangunan di bawah kementerian mereka.

Katanya ini telah menjadi satu keputusan Kabinet semalam dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah meminta ia dilaksanakan.

"Sudah semestinya menteri-menteri hinggalah pegawai peringkat tertinggi daripada Ketua Setiausaha dan Ketua Pengarah perlu terlibat dalam hal ini kerana kalau ada masalah keputusan perlu dibuat dengan segera," katanya pada persidangan berita selepas menghadiri dialog khas kira-kira dua jam dengan para Pegawai Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik di sini hari ini.

Beliau berkata kehadiran mereka penting untuk mendapatkan keputusan bagi mengatasi masalah-masalah yang dihadapi demi menjayakan projek-projek dan program-program kerajaan.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan mengenai laporan adanya pegawai-pegawai tertinggi kementerian tidak berperanan seperti seharusnya dalam memantau kemajuan projek-projek pembangunan.

Katanya memang ada didapati di sesetengah kementerian penglibatan peringkat tertinggi dan menteri agak kurang untuk memantau projek-projek di bawah kementerian mereka.

Abdullah mahu perhatian yang lebih diberikan terhadap status pelaksanaan projek-projek pembangunan yang telah disediakan peruntukan-peruntukan yang tertentu.

"Kita tidak mahu melihat pada akhir tahun berlakunya kurangan yang tinggi iaitu apabila duit terlalu banyak tidak dapat dibelanjakan oleh sebab masalah-masalah yang dihadapi dalam pentadbiran atau dalam melaksanakan projek-projek itu," katanya.

Beliau juga mengingatkan para pegawai tadbir dan diplomatik bahawa mereka mestilah mengemukakan laporan tahap pembangunan projek di bawah mereka kepada Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) mengikut masa yang telah ditentukan.

Sambil turut menjelaskan kepada mereka mengenai mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN), beliau berkata keputusan-keputusan majlis itu perlu dilaksanakan secepat mungkin dan dengan sebaik-baiknya kerana kerajaan mengharapkan usaha pemulihan ekonomi terus berjalan baik dan pulih dari satu tahap ke satu tahap.

Beliau juga mahu para pegawai kerajaan menggunakan kesempatan dalam mesyuarat dan musyawarah untuk memberikan apa juga pandangan kerana kerajaan menghargai pandangan mereka, sama ada mereka pegawai tinggi atau rendah.

"Kita hargai pandangan-pandangan yang diberikan oleh pegawai kita sama ada tinggi atau rendah... jika mereka terlibat dalam mesyuarat mereka perlu berasa bebas untuk memberikan pandangan yang berguna dan membuat penilaian yang objektif walaupun kritikal, untuk faedah bersama," katanya.

Abdullah berkata beliau menekankan bahawa yang penting ialah semua pihak sama-sama memahami bahawa matlamat memajukan negara dan bangsa adalah matlamat bersama.

Ketika ditanya mengenai soalan dan masalah yang ditimbulkan oleh para pegawai tadbir dan diplomatik pada dialog itu, beliau berkata mereka ada mengemukakan soalan dan beliau telah memberikan jawapan serta pandangan

mengenai perkara yang ditimbulkan.

"Saya anggap dialog itu berfaedah bukan sahaja untuk saya memahami masalah mereka tetapi juga untuk semua yang hadir," katanya.

Beliau memuji kecemerlangan perkhidmatan para pegawai tadbir dan diplomatik yang telah berperanan besar dan menyumbang kepada pembangunan dan kemajuan negara.

Katanya, perkhidmatan tadbir dan diplomatik Malaysia kaya dengan pengalaman mentadbir dengan baik negara berbilang kaum memandangkan sejak merdeka Malaysia melalui pelbagai cabaran termasuk peristiwa 13 Mei (1969), kemelesetan ekonomi dari semasa ke semasa, kegawatan ekonomi dan krisis matawang.

Abdullah berkata semua itu merupakan pengalaman berharga dan beliau mencadangkan supaya institusi-institusi berkenaan seperti Institut Tadbiran Awam Negara (Intan), Unit Perancang Ekonomi (EPU) dan ICU mengumpulkan semua maklumat itu untuk dijadikan rujukan di masa depan.

Katanya, ia penting untuk dijadikan rujukan kepada pegawai-pegawai muda untuk mengetahui cara menghadapi situasi-situasi tertentu bagi menempuh masa depan negara yang tentunya lebih mencabar dan menggunakan pengalaman itu serta berpandukan matlamat negara untuk menangani masalah yang bakal dihadapi.

Sambil menyatakan hasrat kerajaan supaya para pegawai tadbir dan diplomatik mengekalkan tradisi cemerlang, beliau turut menjelaskan mengenai konsep dan erti menjadi pegawai kerajaan, yang menghendaki mereka patuh kepada kerajaan yang ada dan dapat melaksanakan arahan-arahan yang diberikan dengan baik dan cekap.

Turut hadir pada dialog anjuran bersama Persatuan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik dan INTAN itu ialah Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Abdul Halim Ali dan Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam Datuk Samsudin Osman.

-- BERNAMA

MNY AKD